

BAB IV

CORAK PENAFSIRAN TOK GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT TERHADAP SURAH AL-WÂQI'AH AYAT 1-10

A. Nama Surah Al-Wâqi'ah Menurut Tok Guru Abdul Aziz Nik Mat

Menurut Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, nama Surah Al-Wâqi'ah yang bermaksud “Peristiwa yang Pasti Berlaku” merujuk kepada Hari Kiamat, satu kejadian yang tidak dapat dinafikan atau dielakkan. Dalam tafsir dan ceramah beliau, Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sering menekankan bahawa nama “Al-Wâqi'ah” sendiri sudah menjadi peringatan besar kepada manusia tentang hakikat dan kepastian hari pembalasan. Beliau menafsirkan nama surah ini sebagai satu amaran langsung dari Allah, bahawa kiamat itu pasti datang, dan bukan sesuatu yang boleh dianggap sebagai cerita atau dongeng.

Surah Al-Wâqi'ah ini menjadi titik tolak untuk menyedarkan umat Islam tentang:

- a. Kepastian kematian dan pembalasan
- b. Kepentingan beramal semasa hidup
- c. Pembahagian manusia berdasarkan amal, bukan pangkat atau kekayaan

Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat juga menekankan bahawa penggunaan kata ‘waqi’ah’ dalam bentuk fi’il (kata kerja) yang telah berlaku menggambarkan betapa pasti dan dekatnya peristiwa itu di sisi Allah.¹

¹ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), cover buku.

B. Penafsiran Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Terhadap Surah Al-Wâqi'ah

Penafsiran Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap Surah Al-Wâqi'ah ayat 1 hingga 10. Menekankan realiti Hari Kiamat dan pembahagian manusia kepada tiga golongan berdasarkan amalan mereka. Beliau menghuraikan ayat demi ayat dengan pendekatan yang mendalam, mengaitkan setiap ayat dengan kehidupan seharian dan tanggungjawab sebagai hamba Allah. Surah Al- Wâqi'ah ayat 1-10:

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ ۝ لَيْسَ لِوَقْعَتِهَا كَاذِبٌ ۝ خَافِصَةٌ رَّافِعَةٌ ۝ إِذَا رُجَحَتِ الْأَرْضُ
رَجَحاً ۝ وَبُسْطِ الْجِبَالُ بَسَّا ۝ فَكَانَتْ هَبَاءً مُّنْبَثِتاً ۝ وَكُنْتُمْ أَرْوَاجًا ثَلَثَةً ۝ فَاصْحَبُ
الْمَيْمَنَةَ ۝ مَا أَصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ ۝ وَاصْحَبُ الْمَشَمَةَ ۝ مَا أَصْحَبُ الْمَشَمَةَ ۝
وَالسِّبْقُونَ السِّبْقُونَ ۝

Artinya: “Apabila terjadi hari kiamat,Tidak ada seseorang pun yang dapat berdusta tentang kejadiannya,Kejadian itu merendahkan (satu golongan) dan meninggikan (golongan yang lain),Apabila bumi diguncangkan dengan guncangan yang dasyat,Dan gunung- gunung dihancur luluhkan sehancur- hancurnya,Maka jadilah ia debu yang berterbangan, Dan kamu menjadi tiga golongan,Iaitu golongan kanan, alangkah muliana golongan kanan itu,Dan golongan kiri , alangkah sensaranya golongan kiri itu,Dan orang yang paling dahulu (masuk syurga)”.(Q.S Al- Wâqi'ah 56/1-10)²

Tok Guru Nik Aziz Nik Mat menerjemahkan surah diatas seperti berikut:

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ ۝

Artinya: “Apabila berlaku perkara yang mesti berlaku”

لَيْسَ لِوَقْعَتِهَا كَاذِبٌ ۝

² Ahmad, Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al- Waqiah* (Selangor: Pertubuhan Alim Rabani, 2020), 1.

Artinya: “Ketika itu tidak ada seorang pun yang membohongi tentang berlakunya Al- Wâqi’ah”

﴿خَافِضَةُ رَّافِعَةٌ﴾

Artinya: “Al- Wâqi’ah ataupun kiamat, boleh merendahkan orang yangmembesar dan meninggikan diri selama ini. Dan boleh mengangkat naik orang yang dihina dan direndahkan selama ini”

﴿إِذَا رُجَّتِ الْأَرْضُ رَجَّاً﴾

Artinya: “Apabila bumi ini digempa sehabis-habisnya “

﴿وَنَسَتِ الْجِبَالُ بَسَّاً﴾

Artinya: “Dan apabila bukit bukau dan gunung- gunung dihancurleburkan dengan secukup- cukupnya”

﴿فَكَانَتْ هَبَاءً مُّدْبِّلاً﴾

Artinya: “ Menyebabkan gunung-ganang dan bukit bukau menjadi abu yang bertaburan”³

﴿وَكَنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةً﴾

Artinya: “Kamu wahai manusia ;tanpa mengira bangsa, Bahasa, benua dan sebagainya. Akan terbahagi kepada tiga”

﴿فَاصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ﴾

Artinya: “Pertama adalah manusia yang diberi rekod hidupnya di sebelah kanan

﴿مَا أَصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ﴾

Artinya: “Alangkah seronok dan alangkah bahagianya orang-orang yang diberikan rekodnya di sebelah kanan”

﴿وَاصْحَبُ الْمَشْمَةَ﴾

Artinya: “Yang kedua adalah orang-orang yang diberikan rekod hidupnya atas dunia ini dari sebelah kiri”

﴿مَا أَصْحَبُ الْمَشْمَةَ﴾

Artinya: “Alangkah celaka dan alangkah kecewanya manusia-manusia yang diberikan rekodnya dari sebelah kiri”

³ Ahmad, Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al- Waqiah* (Selangor: Pertubuhan Alim Rabani, 2020), 2.

وَالسَّبِقُونَ السَّبِقُونَ ﴿٤﴾

Artinya: "Dan yang ketiga adalah orang yang terkedepan, yang benar-benar terkedepan"⁴

Yang dimaksudkan terjemahan diatas adalah Surah Al-Wâqi'ah, menurut penjelasan Tok Guru Nik Aziz Nik Mat, menggambarkan peristiwa kiamat yang pasti akan terjadi. Diawali dengan pernyataan bahwa saat itu tidak ada yang dapat membantah kebenaran terjadinya kiamat. Kiamat akan merendahkan orang-orang yang sombong dan mengangkat orang-orang yang terhina. Ketika bumi diguncang dengan hebat dan gunung-gunung dihancurkan, semuanya akan menjadi debu yang berterangan. Pada saat itu, manusia akan terbagi menjadi tiga kelompok, tanpa memandang latar belakang mereka.

Kelompok pertama adalah "Ashab Al-Maymanah," yaitu orang-orang yang menerima catatan amal mereka di tangan kanan, yang akan merasakan kebahagiaan. Kelompok kedua adalah "Ashab Al-Mash'amah," yaitu mereka yang menerima catatan amal di tangan kiri, yang akan merasakan kesedihan dan penyesalan. Kelompok ketiga adalah "As-Sabiqun As-Sabiqun," yaitu orang-orang yang paling awal dan paling baik dalam amal mereka. Secara keseluruhan, surah ini menekankan pentingnya amal perbuatan dan konsekuensi dari setiap tindakan di dunia ini, yang akan terlihat jelas pada hari kiamat.⁵

⁴ Ahmad, *Saifuddin Yusof, Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al- Waqiah* (Selangor: Pertubuhan Alim Rabani, 2020), 3.

⁵ Ahmad, *Saifuddin Yusof, Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al- Waqiah* (Selangor: Pertubuhan Alim Rabani, 2020), 4.

C. Corak Tafsir Surah Al- Wâqi’ah Tok Guru Nik Aziz Nik Mat

Corak penafsiran Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah *al-Tafsir al-Adabi* dengan menggunakan metode *al Tafsir bi al-Ma’tur* dan *al-Tafsir bi al-Ra’y al- Mamduh*.

1. AL- Tafsir Al- Adabi

Al-Adabi terdiri dari dua suku kata, yaitu *al-Adabi* dan *al-Ijtima’i*. Kata *al-Adabi* merupakan bentuk dari kata masdar dari kata kerja (madi) *aduba* yang berarti sopan santun dan tata krama. Sedangkan *al-ijtima’i* mempunyai arti tafsir kemasyarakatan. Secara bahasa, kata tersebut bermakna norma-norma yang dijadikan pegangan bagi seseorang dalam bertingkah laku dalam kehidupannya dan dalam mengungkapkan karya seninya. Oleh karena itu, istilah *al-adabi* bisa diterjemahkan sastra budaya. Sedangkan kata *al-Ijtima’i* bermakna banyak bergaul dengan masyarakat atau bisa diterjemahkan kemasyarakatan/sosial. Sedangkan secara etimologis, tafsir *al-Adabi* berarti tafsir yang berorientasi pada sosial-kemasyarakatan, atau bisa disebut dengan tafsir sosio-kultural.

Tuan Guru Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan seorang tokoh ulama dan mufassir yang terkenal dengan pendekatan tafsir yang sangat dekat dengan realiti masyarakat. Dalam karya dan ceramah tafsir beliau, pendekatan Al-Adabi, atau tafsir berdasarkan nilai etika sosial dan kemasyarakatan, menjadi kerangka utama yang membentuk pandangannya terhadap Al-Qur'an. Tafsir ini tidak hanya bersifat rohaniah dan individual, tetapi mengangkat isu-isu sosial dan sosio-kultural masyarakat Islam sebagai objek penting yang perlu ditangani melalui petunjuk Al-Qur'an.

Salah satu ciri utama pendekatan ini ialah keterikatan tafsir dengan isu-isu sosial semasa. Nik Abdul Aziz menafsirkan ayat Al-Qur'an dengan membawa contoh-contoh yang berkaitan dengan keadaan masyarakat, seperti kemiskinan, kezaliman, ketidaksamaan ekonomi, dan penindasan politik. Dalam huraihan beliau, Al-Qur'an dilihat sebagai kitab yang bukan hanya berbicara soal akhirat, tetapi juga menyediakan solusi terhadap masalah dunia masyarakat Islam.

Ciri-Ciri Corak al-Adab al-Ijtima'i dalam Tafsir Nik Abdul Aziz Nik Mat

Tafsir merupakan salah satu medium penting dalam menyampaikan mesej Al-Qur'an kepada masyarakat. Dalam hal ini, tafsir Al-Qur'an karya Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menampilkan satu pendekatan tersendiri yang dikenali sebagai corak al-Adabi atau etika sosial. Pendekatan ini menitikberatkan aspek pembentukan masyarakat yang berakhhlak dan berperanan aktif dalam menangani cabaran sosial semasa.

Salah satu ciri utama tafsir beliau ialah penekanan kepada nilai akhlak Islam. Nik Abdul Aziz Nik Mat sangat menekankan kepentingan akhlak mulia dalam kehidupan masyarakat Islam. Dalam tafsirnya, beliau sering mengetengahkan mesej-mesej moral seperti kejujuran, amanah, kasih sayang, tolong-menolong, dan larangan terhadap perbuatan maksiat. Ini mencerminkan bahawa matlamat Al-Qur'an bukan hanya untuk memberi panduan ibadah semata-mata, tetapi juga untuk membentuk masyarakat yang beradab dan sejahtera.

Selain itu, tafsir beliau juga menghubungkan ayat-ayat Al-Qur'an dengan realiti masyarakat semasa. Beliau tidak menafsirkan ayat dalam kerangka sejarah semata-mata, tetapi mengaitkannya dengan isu-isu kontemporari seperti

kemiskinan, kezaliman, rasuah dan ketidakadilan sosial. Ini menjadikan tafsir beliau relevan dan dekat dengan kehidupan masyarakat, serta menunjukkan pendekatan yang kontekstual dan reformis.⁶

Seterusnya, tafsir Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ini juga digunakan sebagai alat pendidikan masyarakat. Beliau menjadikan tafsir sebagai medium dakwah bagi mendidik umat Islam agar memahami agama dalam skop yang lebih luas, bukan hanya terbatas kepada aspek ritual semata-mata, tetapi juga melibatkan aspek sosial, ekonomi dan politik. Pendekatan ini menyedarkan masyarakat tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Muslim dalam kehidupan bermasyarakat.

Ciri lain yang menonjol ialah kritik beliau terhadap ketidakadilan sosial. Dalam pelbagai huraian tafsir, Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat lantang mengkritik sebarang bentuk penindasan, kezaliman, ketidaksamaan ekonomi dan pemerintahan yang tidak adil. Kritikan ini selari dengan prinsip amar makruf nahi mungkar yang menjadi teras dalam ajaran Islam. Tafsir beliau turut mengajak kepada pemerkasaan peranan umat. Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sering menyeru umat Islam supaya menjadi individu yang aktif, bertanggungjawab, dan terlibat dalam usaha membina masyarakat yang adil dan berakhlik tinggi. Beliau menolak sikap pasif terhadap isu-isu semasa dan mengajak umat agar peka terhadap persekitaran serta bertindak secara bijaksana.⁷

Kesimpulannya, tafsir Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ini melalui corak

⁶ M.Amiro Safwan M. *Kamil Bicara Untuk Murabbi Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat* (Shah Alam Selangor Darul Ehsan, 2015), 273.

⁷ M.Amiro Safwan M. *Kamil Bicara Untuk Murabbi Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat* (Shah Alam Selangor Darul Ehsan, 2015),79.

Al-Adabi memberi sumbangan besar dalam membentuk masyarakat Islam yang memahami ajaran agama dalam konteks realiti semasa. Ciri-ciri seperti penekanan kepada akhlak, relevansi sosial, pendidikan dakwah, kritikan terhadap kezaliman, dan seruan kepada penglibatan aktif masyarakat menjadikan tafsir beliau unik serta sangat relevan untuk dijadikan panduan dalam membina peradaban Islam yang unggul.

Selain itu, tafsir beliau mebahaskan fungsi sosial agama yang sebenar, iaitu sebagai sistem yang membina masyarakat yang adil, berakhhlak dan sejahtera. Nilai- nilai seperti keadilan, kejujuran, persaudaraan, dan tanggungjawab sosial sering kali diangkat dalam tafsir beliau. Hal ini mencerminkan corak sosio-kultural Islam yang ingin membentuk umat yang bukan sekadar taat secara ritual, tetapi juga aktif dalam memperjuangkan keadilan sosial dan menolak kezaliman.

Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat juga menggunakan tafsir sebagai alat transformasi masyarakat, dengan menyedarkan umat Islam terhadap peranan mereka dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Beliau menolak fahaman sekular yang memisahkan agama daripada urusan masyarakat. Dalam tafsirnya, konsep-konsep seperti kepimpinan yang adil, hak rakyat, dan tanggungjawab pemimpin sering dihubungkan dengan ayat-ayat Al-Qur'an, menunjukkan bahawa agama Islam sangat berkaitan dengan urusan dunia dan masyarakat.

Lebih daripada itu, tafsir beliau juga membawa unsur pembebasan masyarakat daripada belenggu kejahilan dan penindasan budaya, sesuai dengan semangat sosio- kultural Al-Qur'an. Beliau sering mengkritik sistem yang menindas rakyat dan menyeru kepada perubahan struktur sosial melalui

pendidikan, kesedaran politik, dan pemerkasaan akhlak. Ini menjadikan tafsir beliau bukan sahaja sebagai penjelasan ayat, tetapi sebagai wadah perjuangan sosial yang berpaksikan wahyu.

Corak *al-Tafsîr al-Adb al-Ijtîmâ’î* menurut Shihab bermula pada masa Syeikh Muhammed ‘Abduh (1849-1905M) yang lebih tertumpu kepada corak sastera budaya kemasyarakatan. Ia menjelaskan petunjuk ayat-ayat Al-Qur’ān yang berkaitan langsung dengan kehidupan masyarakat, serta usaha-usaha untuk mengatasi masalah-masalah atau penyakit-penyakit mereka berdasarkan petunjuk dari ayat-ayat Al-Qur’ān, dengan dikemukakan dalam bahasa yang mudah difahami dan indah didengari. Asas utama corak pentafsiran ini adalah memahami nas-nas Al-Qur’ān dengan cara mengemukakan ungkapan-ungkapan Al-Qur’ān dengan teliti, selanjutnya menjelaskan makna-makna yang dimaksudkan oleh Al-Qur’ān dengan gaya bahasa yang indah dan menarik. Kemudian pada langkah berikutnya, pentafsir berusaha menghubungkan nas Al-Qur’ān yang sedang dikaji dengan kenyataan sosial dan sistem budaya yang ada.⁸

Corak tafsir *Al-Adabi* ini boleh didapati dalam *Tafsir Al-Qur’ān Nik Abdul Aziz: Surah Al-Wâqîah*. Antara pendekatan yang digunakan oleh Tok Guru Nik Aziz ialah:

- a. Bahasa yang mudah untuk dipahami

Tok Guru Nik Abdul Aziz tidak gemar menggunakan bahasa atau istilah yang sulit dipahami oleh hadirin kerana hal itu boleh menyebabkan hadirin

⁸ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur’ān Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah*.(Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), cover buku.

susah untuk menghayati apa yang diperkatakan beliau, malah dibimbangi boleh membawa kekeliruan atau tersilap memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Menurut Abdullah, Samsudin dan Suliman (2021), penterjemahan amat penting agar informasi yang akan disampaikan menjadi tepat. Ayat-ayat Al-Qur'an perlu diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan sebaiknya agar dipahami informasi yang terkandung di dalamnya ketika Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mentafsirkan *al-Rahmân* dan *al-Râhîm* pada Basmalah. Beliau menyatakan dari segi kebiasaan diterjemahkan Basmalah dengan maksud "Dengan nama Allah yang Amat Pemurah lagi Amat Kasihan Belas" Terjemahan ini tidak perlu terikat dengan nama ini sahaja, seharusnya boleh diletakkan nama Allah SWT dengan nama-nama lain yang lebih dipahami oleh manusia dengan tujuan menimbulkan rasa sayang dan merapatkan hubungan manusia dengan Allah SWT.⁹ Dalam masa yang sama juga Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mengingatkan agar disertakan dengan mengucapkan "Alhamdulillah" bagi membedakan antara amalan orang Melayu dengan mukmin dan Muslim. Ini bagi menyedarkan bahawa manusia ini serba kekurangan dan hanya bergantung harap dengan Allah SWT semata-mata. Bagi masyarakat luar dari Kelantan kemungkinan tidak menggunakan "mujur" tetapi menggunakan kalimat seerti seperti "nasib baik" atau "beruntung" Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat turut mengingatkan supaya ungkapan tersebut

⁹ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah*.(Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), cover buku.

disertai dengan “Alhamdulillah” dan dijadikan amalan harian agar peribadi mukmin dapat dibentuk dalam diri.

b. Contoh perumpamaanya mudah

Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menggunakan penyampaian contoh-contoh serta perumpamaan-perumpamaan mudah yang dapat dilihat dalam kehidupan sebenar. Perkara ini turut diberi perhatian khusus oleh penulis dan penyusun kitab ini turut menyenaraikannya di bawah judul Senarai Misalan, Kiasan dan Analogi.¹⁰

D. Interpretasi Surah Al- Wâq’iah Dalam Kitab Tafsir Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

1. Interpretasi Ayat Pertama

﴿إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ﴾

“Apabila berlaku sesuatu yang mesti berlaku”

Perkara yang mesti berlaku ini adalah hari kiamat. Terdapat lebih kurang empat puluh nama-nama kiamat yang terdapat dalam Al-Qur'an. Kalauolah kita membuka Al-Qur'an dan mencarinya, kita akan dapati bahawa nama-nama kiamat ini diubah-ubah mengikut selera (tarikan) manusia. Orang yang terintimidasi dengan nama Al-Wâq'iah, maka apabila dia membaca ayat ini hatinya akan berasa gerun. Dalam ayat yang lain Allah Ta'ala sebut;

﴿فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامِنَةُ الْكُبْرَىٰ﴾

¹⁰ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah*.(Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), cover buku.

Artinya: "Maka apabila datang hari yang bencananya amat besar "(Q.S.Surah an- Naziat 79:34)

Orang yang gerun dengan nama "Al-Tommah" iaitu bala yang menimpa secara mengejut. Contohnya, halilintar yang datang secara mengejut. Maka diberikan nama Al-Tommah kerana ada orang boleh terfikirkan akhirat dengan nama seperti itu. Ada orang yang tersentak fikirannya dengan nama "Al-Haqqah" iaitu perkara yang mesti dan tetap akan berlaku. Seperti mana yang Allah Taala :

الْحَقَّةُ لَا مَا الْحَقَّةُ وَمَا أَدْرِكَ مَا الْحَقَّةُ

Artinya: "Saat yang tetap berlaku itu. Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (Saat itu ialah hari kiamat)." Surah al-Haqqah (Q.S(69):1-3¹¹

Nama-nama seperti Al-Haqqah, Al-Tommah, Al-Wâq'iah dan Al-Qiyamah adalah antara nama-nama kiamat yang berjumlah lebih kurang empat puluh nama yang Tuhan ubah-ubah penggunaannya mengikut kesesuaian manusia. Supaya sesiapa yang tidak suka dengan nama kiamat, maka dia akan suka dengan nama- nama lain yang Tuhan beri. Allah Taala 'sehabis gheng (daya)' berusaha supaya manusia beriman kepadanya. Sesiapa yang tidak mahu juga beriman, itu bukannya salah Tuhan. Bak kata orang Kelantan, sudah habis ubat atau sudah habis ikhtiar dilakukan supaya manusia beriman.

2. Interpretasi Ayat Kedua

¹¹ Ahmad Saifuddin Yusof, Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah.(Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 4.

لَيْسَ لِوَقْتِهَا كَاذِبٌ

Artinya: “Tidak ada orang atau satu benda pun yang boleh menindakan kiamat”

Dalam ayat kedua ini Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat metafsirkan tentang ayat ini dalam Bahasa Kelantan “Lo lo ni (sekarang ini) kiamat tidak datang lagi. Sebab itu ramai orang bertanya-tanya, “Yolo (benarkah) kiamat akan terjadi?” Tetapi Tuhan kata, “Apabila berlaku, maka kiamat ini akan tetap berlaku. Sebab itu Aku bubuh (letak) namanya Al-Wâqi’ah yang membawa maksud benda yang akan berlaku.¹² Dan apabila ianya berlaku tidak ada orang atau satu benda pun boleh menindakan kiamat! Walaupun kiamat belum lagi berlaku sekarang, namun kamu kena yakin bahawa kiamat tetap akan berlaku. Kiamat diibaratkan seperti mati” justeru itulah Nabi ada berkata:

إِذْمَاتٍ أَحَدُكُمْ فَقَدْ قَامَتْ قِيَامَتُهُ

Artinya: “*Jika telah meninggal dunia salah seorang di antara kamu, maka relah tibalah kiamat baginya.*” (*Riwayat Al-Daylami*)


Dalam hadis ii, Nabi Muhammad menegaskan pabila seseorang itu mati, maka, relah berlaku kiamat bagi dirinya seorang. Manusia, kita sebut mati. Pokok kayu, kita sebuah jatuh. Rumah, kita sebut runtuh. Makanan, kita sebut basi. Dan jika dunia, kita sebut kiamat. Semuanya itu tullo (sama) sahaja. Sama ada runtuh, basi, tumbang, musnah dan kiamat; semuanya adalah perkara yang sama sahaja. Setiap benda mesti ada penghujungnya dan setiap yang awal mesti ada penamatnya.

¹² Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah*.(Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 5.

Dunia ini ada “akta kelahiran dan akan ada pula “Akta kematian”. Kita tidak tahu bilakah tarikh surat beranak dunia sebab ketika Tuhan buat (mencipta) dunia ini, kita belum ada lagi bahkan Tok Adam pun tidak ada lagi. Sebab itulah ketika Nabi Adam dihalau dari syurga, baginda diturunkan ke dunia. Ketika itu dunia sudah ada. Sebelum Nabi Adam dicipta, Tuhan sudah pun membuat dunia. Tetapi tidak tahu bilakah tarikh akta kelahirannya.¹³

Dari segi kajian sains, dikatakan bahawa dunia ini terjadi daripada buih. Selepas berjuta-juta tahun lamanya, akhirnya buih-buih itu menjadi keras. Kemudian ia menjadi kerak dan akhirnya terjadilah bumi. Entah berapa ribu juta tahun durasa masanya, itu hanya ahli sains sahaja yang boleh membuat agakan. Tempat yang pertama buih ini timbul adalah di tapak Kaabah sekarang. Tapak Kaabah merupakan tempat pertama wujudnya buih-buih yang keras dan berkerak membentuk bumi. Kemudian ia berkembang ke seluruh dunia menjadi bumi. Selepas itu datang pula gempa bumi dan sebagainya. Itu perkara yang kedua.¹⁴

3. Interpretasi Ayat Ketiga



Artinya: “*Al-Wâq’iah ataupun kiamat, boleh merendahkan orang yang membesar dan meninggikan diri selama ini. Dan boleh mengangkat naik orang yang dihina dan direndahkan selama ini*” Semangat begini menyebabkan orang yang tinggal di atas bumi jadi bersaudara. Sama ada kamu orang Cina atau aku orang Melayu, kamu kaya atau aku miskin, kamu pandai atau aku bijak; sama-sama adalah hamba Tuhan belaka. "Jika kamu kaya, kenapa kamu tidak

¹³ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah*.(Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 6.

¹⁴ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah*. (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 7.

memberi zakat kepada aku? Jika kamu miskin, kenapa kamu merompak? Datanglah ambil zakat di rumah aku!"

Keadaan sebegini akan menyebabkan dunia menjadi aman dan damai.

Walaupun kaya atau miskin, tetapi masing-masing tidak bermegah ataupun merompak harta orang kerana masing-masing adalah hamba Tuhan. "Kalau demo (kamu) kaya, kenalah beri zakat kepada kawe (saya). Kawe ini sakit, ada anak ramai dan tidak boleh membuat kerja. Kenapa demo kedekut dengan kawe? Ingat! Walaupun sekarang demo kaya, tetapi di akhirat kelak kawe hendak lenyek dengan tapak kaki kawe. Tapak kaki kawe yang hitam legam ini, kawe tidak mahu buang kerana hendak lenyek muka demo.¹⁵

Suasana seperti ini menyebabkan orang kaya-kaya yang berpangkat dan berkedudukan tinggi tidak berasa agah (sombong) dan angkuh. Begitu juga orang miskin. Walaupun jahil mereka tetap menjaga syariat, akhlak serta persaudaraan meskipun diperleceh, dihina, ditindas, ditekan dan sebagainya.

يُحشِّرُ الْمُتَكَبِّرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَمْثَالَ الدَّرِ في صُورِ الرِّجَالِ يَفْشَاهُمُ الدُّلُّ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ
فَيُسَاقُونَ إِلَى سِجْنٍ فِي جَهَنَّمَ يُسْتَقَى بُولَسٌ تَعْلُوْهُمْ نَارُ الْأَنَيَارِ يُسْقَوْنَ مِنْ عُصَارَةِ أَهْلِ
النَّارِ طِينَةُ الْخَبَالِ

Artinya: "Pada hari kiamat orang-orang yang sompong akan digiring dan dikumpulkan seperti semut kecil, di dalam bentuk manusia. Kehinaan akan meliputi mereka dari berbagai sisi. Mereka akan digiring menuju sebuah penjara di dalam Jahannam yang namanya Bulas. Api neraka yang sangat panas akan membakar mereka. Mereka akan meminum nanah penduduk neraka, iaitu thinatul khabal (lumpur kebinasaan)"¹⁶

Hadir di atas yang ditemui sedikit beda dengan lafaz yang diucapkan oleh

¹⁵ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 8.

¹⁶ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 9.

Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat iaitu pada kalimah “الرَّجَالِ” (manusia) kepada

(النَّمَل) (semut). Tok Guru menyebut hadis diatas seperti:

يُخَشِّرُ الْمُتَكَبِّرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى صُورِ النَّمَلِ يَطْوُهُمُ النَّاسُ لَهُوَ أَنْهُمْ عَلَى اللَّهِ

Artinya: “Semua orang yang sompong, yang agah (bongkak) kepada Tuhan semasa di atas dunia ini akan dikumpulkan dari kubur dalam bentuk seekor semut. Semua manusia akan jijok (memijak) semut itu dan dihina di hadapan Allah?”¹⁷

4. Interpretasi Ayat Keempat

إِذَا رُجَحَتِ الْأَرْضُ رَجَّا

“Bahasa Arab perkataan إِذَا sebagai harf syarat 8 (حَزْفُ الشَّرْط) dengan makna 'apabila. Dalam bahasa Melayu, ayat yang menggunakan perkataan apabila tidak boleh dibiarkan tergantung begitu sahaja. Contohnya kata, Awe (adik), apabila orang datang di tangga. Ayat ini tidak boleh dibiarkan tergantung begitu. Tidak mungkin kita hendak senyap atau berhenti di situ sahaja. Sepatutnya ayat itu hendaklah disempurnakan supaya ianya difahami. Contohnya kita kata, "Awe, apabila orang datang ke rumah kita, nanti beritahu kepada ayah." Atau kita kata, "Awe, apabila orang datang ke rumah. Nanti buat air dan hidangkan kepada dia" Barulah ayat, sentence itu selesai sempurna molek.¹⁸

¹⁷ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 9

¹⁸ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 12.

5. Interpretasi Ayat Kelima

وَبُسْتِ الْجِبَالُ بَسَّاٰ
﴿٥﴾

“Dan bukit bukau serta gunung-gunung begitu pejal pun turut dilumatkan. Perkataan بُسَّ bermaksud khenyek (menghancurkan), ibarat kita ambil butir (bijian) kering kemudian kita *khenyek-khenyek* menjadi debu. Walau macam mana keras sekalipun bukit bukau dan gunung-gunung, Aku akan *khenyek-khenyek* menjadi مُنْتَشِّا debu yang berterbangan. Kemudian). Allah Ta'ala senyap setakat itu.¹⁹ Allah Ta'ala senyap setakat itu. Senyap merupakan satu cara yang disebut sebagai uslub dalam “*ustub kalam*” atau “*uslub dakwah*” Ada banyak cara kita bercakap. Kadang- kadang kita bercakap seperti biasa. “Tuan-tuan semua, apabila bas sampai nanti. Semua pakat bersiaplah” Tidak ada pula orang yang bercakap, “Apabila bas sampai nanti...” Kemudian dia terus senyap tanpa menghabiskan percakapannya menyebabkan orang ramai tertanya-tanya, “Apa kesudahannya, wei!?” Tetapi ada masa-masanya apabila sesuatu keadaan itu terlalu teruk dan luar biasa menyebabkan kita tidak reti hendak menjawabnya. Ketika diberitahu kepada kita, “Apabila berlaku tsunami” hanya tercengang-cengang dan tertanya-tanya, “Apa, tsunami?. Apayang kita kena buat? Kawe (Saya) pun tidak tahu mau buat apa.” Begitu juga dengan kiamat. Apabila Tuhan memberitahu perihal kiamat, menyebabkan kita tidak boleh berbicara. Tidak ada lidah yang boleh berkata-kata dan tidak ada kalam yang boleh ditulis. Kita kena faham bahawa begitulah keadaannya ketika

¹⁹ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 13

kiamat nanti. Tuhan kata, “Aku hendak beritahu lebih daripada itu, nanti kamu pula yang tidak faham. Aku hanya beritahu sekada apa yang akal kamu boleh fikirkan sahaja. Aku hanya beritahu,

“Apabila berlaku kiamat...” Setakat itu sahaja yang Aku perlu beritahu kepada kamu!“

Belah mano (bagaimana) proses kiamat itu terjadi. Yang ini, tidak perlu Aku hendak ghoyak (beritahu). Sekadar ini sahaja yang Aku boleh beritahu! Di akhirat nanti kamu akan melihat bahawa orang besar-besar akan dikecilkan kedudukan mereka, manakala orang yang berkedudukan kecil akan diangkat dan ditinggikan kedudukan mereka. Nilaian dan status semasa di dunia dahulu akan bertukar habis.

Keadaan dunia dan akhirat tidak sama. Jangan kamu mengangoa dunia dan kiamat itu serupa. Ketika di dunia, kalau kamu tidak ada duit. Kamu boleh berhutang dengan orang. Kamu minta pinjam seriya (seringgit), dua riya (dua ringgit) atau sepuluh riya (sepuluh ringgit). Insyaallah orang akan beri. Tetapi di akhirat kelak, apa yang kamu hendak minta? Hendak minta pitis (duit)? Ketika itu pitis sudah tidak berguna lagi. Hendak minta pahala? Siapa yang akan memberi pahalanya kepada kamu? Orang yang sudah ada pahale pun masih tidak cukup lagi untuk kegunaan diri mereka!²⁰ Perihal begini menyebabkan manusia yang mendengarnya jadi menengung (terkedu), tidak mampu berkata apa-apa. Sebab itulah apabila Tuhan memberitahu mengenai kiamat, Dia senyap setakar itu sahaja! Inilah yang disebut sebagai 'uslub

²⁰ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Wâq'iyah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 14.

dakwah' iaitu metol Surah Al-Wâq'iah.

6. Interpretasi Ayat Ketujuh

وَكُنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةٌ ﴿٧﴾

*Artinya : "Apabila kiamat berlaku: Wahai manusia , kamu akan terbahagi kepada tiga golongan " Kamu semua akan menjadi tiga puak . Sama ada kamu orang melayu, orang araba tau duduk di Mekah mahupun di kota Bharu: Semuanya akan menjadi tiga puak. Tidak kira sama ada kamu cina, India, ataupun melayu: kamu tetap akan terbahagi kepada tiga."*²¹

7. Interpretasi Ayat 8 hingga 10

فَاصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ لَا مَا أَصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ ﴿٨﴾ وَاصْحَبُ الْمَشَّمَةَ لَا مَا أَصْحَبُ
الْمَشَّمَةَ ﴿٩﴾ وَالسَّبِقُونَ السَّبِقُونَ لَا ﴿١٠﴾

Artinya: "Yaitu golongan kanan, alangkah mulianya golongan kanan itu,Dan golongan kiri, alangkah sengsaranya golongan kiri itu,Dan orang-orang yang paling dahulu (beriman), merekalah yang paling dahulu (masuk surga)."

Semuanya akan terbahagi kepada tiga. Pertama, mengenai rekod amalan yang sedang kita lakukan. Contohnya, sekarang saya sedang mengajar dan tuan-tuan pula sedang mendengar. Kedua-duanya direkodkan. Siapakah yang merekodkannya? Yang merekodkannya adalah Malaikat. Di kiri dan kanan kita ada malaikat iaitu Raqib dan 'Atid. Siapa yang beritahu? Allah sendiri yang beritahu.

Ada juga yang mempersoalkan, "Allah tahu dari mana?" Jawabnya, Dia tahu mugo (sebab) Dia adalah Allah! Memanglah Dia tahu. Tidak mungkin Allah mengaji (belajar) seperti kita. Allah yang mencipta segala-galanya, maka Dia

²¹ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 15.

reti bahawa setiap manusia ada malaikat di kiri dan kanan mereka.²²

Berbeda dengan kerja Tuhan. Perkara yang kita sedang bincangkan adalah mengenai kerja Tuhan. Siapakah yang akan dibubuh ke dalam syurga mahupun neraka. Lebih-lebih lagi sekarang pun neraka sudah siap diciptakan dan sedang ternganga. Manakala syurga pun sudah siap diciptakan, bidadari sedang tersengih menunggu Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat atau entah siapa lagi yang kita pun tidak tahu (hadirin ketawa). Siapakah yang akan dibubuh dalam syurga ataupun neraka, kedua-duanya mesti berdasarkan kepada rekod.

Sesiapa yang taat kepada Dia, maka ﴿الْمَيْتَة﴾ akan diberikan rekodnya dari sebelah kanan. Sesiapa yang tidak turut (mentaati)Tuhan, maka ﴿الْمَسْتَمَة﴾ akan diberikan rekodnya dari sebelah kiri.Tanpa mengira bahasa ataupun budaya, begitulah ketetapannya kerana ini adalah pernyataan Allah sendiri Begitu jugalah apabila kita hendak membina rumah. Terlebih dahulu kita akan berjumpa dengan engineer rumah dan bertanya kepadanya mengenai kapasiti bahan binaan yang akan digunakan.Berapa banyakkah besi dan simen yang diperlukan. Maka dia akan membuka segala macam rekod dan membentangkannya kepada kita mengenai tahun pembinaan, harga, keluasan dan jangka hayat rumah. Juga diberikan kepada kita nama orang yang bertanggungjawab yang boleh dihubungi jika timbul sebarang permasalahan

²² Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Waqiah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 16.

atau sebagainya.²³

Ketiga-tiganya memberikan pengertian yang cukup kukuh berkenaan maksud yang ingin disampaikan. Perkataan إن dan لَمَّا berperanan sebagai 'rawki anakala perkataan عَلَيْهَا خَلَقْتَ (روقید) sebagai 'Khabar mugaddam wa mutbtada' mu'akhkhar' (خَبَرٌ مُفَعَّمٌ وَمُبْتَدَأٌ) Apabila ketiga-tiganya digunakan, menyebabkan orang yang tidak percaya akan percaya sungguh. Tidak ada perkataan yang lebih kuat selain daripadanya²⁴.

وَالسِّقُونَ السِّقُونَ ﴿٤﴾

Artinya: “Orang terdahulu yang tidak menerima rekod dari sebelah kanan mahupun sebelah kiri “

Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat meninterpretasikan ayat di atas iaitu Untuk orang sebegini, sistem yang digunakan berlainan sedikit. Mereka akan terus dipersilakan masuk ke dalam syurga. Ibarat jika adik kakak pergi ke Sungai Golok. Polis akan membuat pemeriksaan terhadap semua orang yang melintasi sempadan. Habis dibuka belaka bonet di bahagian depan dan belakang termasuklah di bawah kusyen. Tetapi kalau ambo (saya) yang lalu, pihak polisi hanya memberikan tanda hormat kepada ambo (saya). Di akhirat pun begitu juga. Sesiapa yang besar kedudukannya di sisi Tuhan, mereka akan dipersilakan masuk ke dalam syurga. Tidak ada lagi pemeriksaan di sebelah kanan ataupun kiri mereka. Sebaliknya bagi orang lain, mereka tetap akan

²³ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Wâq'iyah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 17.

²⁴ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Wâq'iyah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 19.

diperiksa dan diberikan rekod amalan seperti yang telah ditentukan. Manusia telah meniru sistem Allah Taala yang akan digunakan di akhirat kelak dan menggunakannya untuk kegunaan dunia.²⁵

²⁵ Ahmad Saifuddin Yusof, *Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz: Surah Al-Wâqi'ah* (Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani, 2020), 20.